

NO. SOALAN: 135

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 25 MEI 2016

RUJUKAN : 9063

SOALAN:

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah langkah keselamatan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani isu kumpulan pelampau berikutan dengan amaran IS dalam "Majalah Dabiq" keluaran ke 14 yang melabelkan Malaysia sebagai negara "Tawaghit "; dan
- (b) selaku negara yang mengamalkan kesederhanaan dan ahli Organisation of Islamic Country (OIC), sama ada pihak Kementerian akan menggunakan forum OIC untuk menangani ancaman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memandang serius akan ancaman terhadap keselamatan negara. Ini termasuklah ancaman terbaru daripada Kumpulan Militan Daesh di dalam Majalah Dabiq keluaran mereka yang telah menyatakan melabelkan Malaysia sebagai satu negara “Tawaghit” atau “negara yang menyembah selain dari Allah” dan mewajibkan tentangan terhadap Malaysia.

Melihat kepada amaran tersebut, Kementerian melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah proaktif, holistik dan bersepada dalam menangani ancaman ini.

Sebagai contoh, PDRM secara berterusan meningkatkan tahap kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN dan INTERPOL. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis telah membuat pemantauan rapi dan menjelaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut.

Selain itu, nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas atau didapati terlibat dengan elemen keganasan ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh Negara.

Sebagai langkah proaktif, Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.